

IKLAN JAWATAN PEGAWAI EKSEKUTIF (KONTRAK)
PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA (PPM)

1. DESKRIPSI TUGAS:

1. Meneraju organisasi dengan kepimpinan ke arah keberkesanan fungsi dan berkemahiran dalam pengurusan pejabat PPM.
2. Berkebolehan untuk mengurus hal-hal pentadbiran, kewangan, sumber manusia dan aset bagi mencapai objektif PPM.
3. Calon adalah dari individu yang dinamik dan mempunyai visi untuk mengurus segala aktiviti organisasi ini.
4. Jawatan ini adalah jawatan penting PPM dan pegawai adalah bertanggungjawab membantu PPM melaksanakan aktiviti peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
5. Jawatan ini memerlukan komitmen yang menyeluruh kepada PPM yang merupakan satu satunya persatuan berdaftar dalam bidang kepustakawanan di Malaysia.
6. Jawatan ini bertanggungjawab untuk melapor keseluruhan operasi kepada ahli majlis PPM.

2. TEMPOH KONTRAK:

Dua tahun dan boleh disambung dengan kelulusan mesyuarat ahli majlis PPM.

3. SYARAT KELAYAKAN:

1. Diploma atau Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kepustakawanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
2. Kepujian Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
3. Pengalaman sebagai pengurus mana-mana agensi / syarikat adalah sesuatu kelebihan tetapi bukan syarat utama.
4. Harus mempunyai kemahiran komunikasi yang baik untuk berinteraksi dengan pegawai kanan kerajaan dan pemimpin politik dan pihak berkepentingan lain.
5. Harus mempunyai kemahiran dalam penggunaan ICT.
6. Dapat bekerjasama secara berkumpulan dalam pelaksanaan sesuatu projek / program.

4. CARA MEMOHON:

- a) Calon yang berminat dan memenuhi semua syarat-syarat, sila kemukakan:
 - i. Resume dengan Curriculum Vitae (CV) yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik (sertakan salinan sijil yang berkaitan), pengalaman kerja dan sekeping gambar bersaiz pasport.
- b) Hanya permohonan yang lengkap akan diterima.
- c) Permohonan yang berikut akan ditolak:
 - i. Tidak lengkap dan tidak terang.
 - ii. Salinan dokumen-dokumen yang diperlukan tidak disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan.
 - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang dikehendaki.
 - iv. Tidak disertakan gambar berukuran pasport atau salinan dokumen yang diperlukan.

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan yang telah lengkap hendaklah dikembalikan ke alamat di bawah sebelum atau pada **13 OGOS 2019 (SELASA)**. Permohonan yang diterima selepas dari tarikh tutup iklan tidak akan diberi pertimbangan.

6. DOKUMEN SOKONGAN

Semua dokumen sokongan yang dilampirkan hendaklah disahkan salinannya. Salinan Asal dokumen sokongan hanya perlu dibawa semasa menghadiri temuduga sahaja.

7. UMUR

Calon bagi lantikan hendaklah berumur:

- a) Tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh iklan ditutup.
- b) Tidak lebih dari 60 tahun pada tarikh lantikan.

8. ALAMAT PERMOHONAN

Permohonan boleh dibuat dengan menulis kepada alamat berikut:

PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA
LIBRARIANS ASSOCIATION OF MALAYSIA
PETI SURAT 12545, 50782 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.
Emel: pustakawan55@gmail.com
Laman web: <http://www.ppm55.org>